



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 3 Januari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Padah jual barang subsidi tanpa lesen

- **KPDN rampas minyak peket, gula, tepung gandum**
- **Nilai sitaan barang berjumlah RM3,925**

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Aktiviti penjualan barang bersubsidi tanpa lesen di kawasan pembinaan sebuah kilang dekat Kulim tumpas apabila premis tersebut diserbu dalam satu Operasi Kita Gempur kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, operasi yang melibatkan Pejabat KPDN Cawangan Kulim dan Alor Setar itu menemukan sejumlah minyak masak peket satu kilogram (kg) bersubsidi, gula dan tepung gandum tanpa lesen menjual barang kawalan.

"Ketika serbuan pada pukul +12 tengah hari dengan kekuatan tujuh anggota itu, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 30-an mengaku sebagai penjaga premis runcit berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut menemui sejumlah minyak masak polybag 1kg, gula dan tepung gandum yang disimpan dalam premis tanpa lesen atau permit sah," katanya ketika dihubungi semalam.

Kata beliau, sehubungan itu, pasukannya menyita sebanyak 967kg minyak masak peket bersubsidi, 480kg tepung gandum dan 23kg gula dengan nilai sitaan keseluruhan dianggar bernilai RM3,925.35.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan



PENGUAT KUASA KPDN menemukan barang bersubsidi yang dijual tanpa lesen di kawasan pembinaan sebuah kilang dekat Kulim kelmarin.

1961 (Akta 122) dan mana-mana orang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Tambah beliau, KPDN ingin memberikan amaran kepada semua pihak yang berurusan

dengan barang kawalan dan bersubsidi agar sentiasa mematuhi perundangan dikuatkuasakan.

"Sebarang aduan, pengguna boleh menyalurkan kepada KPDN untuk tindakan selanjutnya melalui saluran-saluran seperti berikut, portal e-aduan 2.0 <http://eaduan.kpdn.gov.my>, Call Centre **1-800-886-800**, e-mel ke e-aduan@kpdn.gov.my, aplikasi EZ ADU KPDN, Pusat Arahan Penguatankuasaan (ECC) **03-8886088/6245** atau WhatsApp **019-848 8000** dan **019-279 4317**," tambahnya.



贸消部突击检查 根一商家违规接罚单

(山打根二日讯) 山打根贸消部今天突击检查了森森一家商店的一些商品没有标签，并加以检举。

这项行动是事先接到市民的电子投诉，针对有关商店，贸消部由总监阿芝迪朱基里率领亲自出动检查。

他在事后发文指出，该部门执法人员在检查时发觉该商户在营业场所出售的多达 20 瓶、每瓶 330 毫升的各种口味碳酸饮料均未贴上价格标签。

他说，该部门根据《2011 年价格管制和反暴利法》采取措施，对商家罚 RM300.00。

另外，他说根据 AKHAP 2011，如果个人因未在所售商品上贴上价格标签或价目表而被定罪，他可被法院处以高达 RM50,000.00 的罚款或不超过 2 年的监禁，或两者兼施，或罚款高达 RM25,000.00。而犯下该罪行的公司可被罚款高达 RM100,000.00 或复合高，

RM50,000.00。

他也提醒商家要遵守 KPDN 执行的法律，特别是在明确的价格标记方面，以免混淆消费者。

另外，他说 2024 年全年，山打根 KPDN 对营业场所进行了 6,850 次检查，其中包括市内 4,274 次检查和市外 2,576 次检查，总计案件 185 个案件，没收的总价值为 3,310,219.89 令吉。

收集到的化合物总额为 RM 114,300.00。检控案件共有 6 起案件被指控，其中 5 起案件的被告被判罚款 8 万令吉，另有 1 起案件被判入狱 10 万元。

所有检控案件都是根据 1961 年供应管制法采取的案件行动。在消费者投诉方面，2024 年 1 月 1 日至 2024 年 12 月 31 日期间，共接到 154 宗投诉，其中 149 宗投诉 (96.75%) 已得到处理，其余 5 宗投诉 (3.25%) 仍在调查中。(11)



山打根贸消部在森森检查一家商店。

DISCRIMINATORY LABELLING

Firms selling items with 'no palm oil' face action

KUALA LUMPUR: The Plantations and Commodities Ministry has warned against the sale of items with discriminatory labelling about palm oil, saying that action will be taken against companies found in violation.

It said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry would no longer allow products with such labels to be sold.

"It has been 1,024 days since the Trade Descriptions (Prohibition of Use of Statement, Expression or Indication) (Oil Palm Product and Palm Oil Goods) Regulation under the Trade De-

scriptions Act came into effect," the ministry said.

"Thousands of inspections have been carried out by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry since, but some premises are still selling products with discriminatory labels against palm oil."

It said the two-year grace period to remove such products should have been sufficient.

"We urge these parties to immediately cease the import and sale of products with discriminatory labels."

Violators face fines of up to RM250,000 or imprisonment of

up to five years upon conviction.

The ministry said it would continue supporting the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's efforts to combat discriminatory labelling.

"We urge the public to remain vigilant when purchasing goods. If any products carry questionable labels, such as the 'no palm oil' label, complaints can be submitted."

Reports can be lodged via WhatsApp to 019-279 4317 or 019-848 8000, the e-Aduan portal at eaduan.kpdn.gov.my, the EZ Adu app or the 1-800-886-800 hotline.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Tamat segera polemik kelas pendapatan isi rumah elak ketirisan

Pengkelasan pendapatan isi rumah mengikut tiga kategori iaitu bawah 40 (B40), pertengahan 40 (M40) dan teratas 20 (T20) masih dirundung polemik dan kekeliruan. Berdasarkan kajian terkini Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), ia mendapat pengkelasan isi rumah kepada kategori tidak mencerminkan realiti sebenar stratifikasi ekonomi isi rumah di Malaysia. Mengikut kertas kerja KRI bertajuk 'Mencari 'golongan miskin' dan 'kelas pertengahan' di Malaysia', model digunakan menunjukkan penyimpangan ketara daripada klasifikasi B40, M40 dan T20, serta menawarkan perspektif baharu terhadap stratifikasi ekonomi.

Kertas kerja itu mendapat klasifikasi berkenaan mungkin tidak lagi mencerminkan realiti kerana kumpulan isi rumah dalam kategori ini tidak memiliki corak perbelanjaan seragam. Tanpa menafikan mekanisme digunakan kerajaan menentukan kelas pendapatan rakyat sebelum ini, kajian berkenaan sepatutnya membuka mata pihak berkaitan untuk memperbetulkan penyimpangan ini.

Ini kerana, ia akan mempengaruhi keputusan dan dasar diwujud serta dilaksanakan kerajaan bagi menentukan golongan layak atau tidak untuk menerima subsidi. Kecacatan pengkelasan kategori pendapatan isi rumah sudah tentu menyebabkan ketirisan pada belanjawan kerajaan, mendorong kewujudan penyelewengan atau rasuah.

Justeru, kerajaan tidak sepatutnya berlengah meluruskan kembali kepincangan dalam pengkelasan pendapatan isi rumah ini. Sebelum ini kerajaan mewujudkan kategori T15 yang juga mengundang spekulasi baharu mengenai status pendapatan kelompok ini.

Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan perlu merumus formula ideal bagi menentukan pengkelasan pendapatan isi rumah ini bagi memastikan keadilan dicapai dalam soal agihan peruntukan serta subsidi bersasar. Bagi mengelakkkan kekeliruan, kerajaan perlu lebih telus dalam menentukan siapa layak menerima subsidi.

Hal ini termasuk mengkaji semula kriteria kelayakan lebih jelas dan terperinci, memaklumkan kepada rakyat mengenai perubahan dalam dasar atau bantuan disediakan. Dalam hal ini, kerajaan boleh menggunakan sistem data lebih terperinci untuk mengenal pasti golongan benar-benar memerlukan subsidi berdasarkan pendapatan sebenar, bilangan tanggungan dan keadaan hidup.

Kita memiliki Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dibangunkan untuk menjadi hab data kerajaan lebih tepat mengenai keadaan sosioekonomi setiap keluarga, bukan cukup hanya maklumat nama dan tempat tinggal. Kerajaan juga mempunyai agensi memiliki butiran maklumat pendapatan individu berdasarkan rekod disimpan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan banyak lagi entiti berkaitan.

Bermakna, data daripada PADU, LHDN dan SSM misalnya boleh disepadukan untuk mewujudkan sistem pengkelasan pendapatan lebih tepat, sekali gus membolehkan penentuan kategori pendapatan rakyat ditetapkan dengan berkesan. Penting bagi kerajaan menggunakan kriteria lebih terperinci dan adil dengan mengambil kira pendapatan bersih dan keperluan hidup sebenar rakyat. Pengkelasan pendapatan lebih tepat dan telus penting untuk memastikan kerajaan memberi sokongan lebih efektif kepada golongan memerlukan, sambil meningkatkan ketelusuran pengagihan dana atau bantuan.

KUALA LUMPUR (Jan 2): The High Court here has allowed an ad interim stay on a RM415.5 million fine imposed by the Malaysia Competition Commission (MyCC) on five feedmillers pending filing of affidavits and submissions in relation to its judicial review against the fine.

Judge Datuk Amarjeet Singh Serjit Singh gave the ad interim stay as lawyer for MyCC, Jason Teoh from Jason Teoh & Partners, had said that they would submit an affidavit to show that the fine the five feedmillers are required to pay will not affect the poultry industry as they claim.

The long list of lawyers who appeared for the five feedmillers had all argued for a permanent stay on the fine sum pending the disposal of a Judicial Review against MyCC's fine.

The feedmillers' lawyers argued that paying the fine will heavily impact the poultry industry in the country and it will affect the poultry supply chain and in doing so, affect the public.

They said that if the fine is paid now, and then returned pending appeals and the judicial review, it will do a lot of harm to the industry.

Teoh and MyCC's other lawyer, Mervyn Lai, had disagreed and said that the five feedmillers were out of 30 in the country, therefore paying the fine would not affect the public.

Justice Amarjeet then asked Teoh to submit an affidavit on this and granted the ad interim stay.

He then set the affidavits to be filed by Jan 31, submissions to be had on March 21 and hearing to be on April 8.

Amarjeet also granted leave for the feedmillers' judicial review application. This means that the court will hear the merits for and against a judicial review and will determine whether there are merits for a judicial review proper.

The fine was imposed on the five feedmillers — of which three are public-listed companies — in December last year for colluding in a "chicken feed cartel" to fix poultry feed prices.

High court grants feedmillers temporary stay of RM415.5 mil fine imposed by MyCC

BY TIMOTHY ACHARIAM
theedgemalaysia.com



This is the largest fine that the quasi-judicial body, the MyCC, has imposed in its 12-year history.

The Bursa Malaysia-listed companies are Leong Hup International Bhd (KL:LHI), operating via wholly-owned subsidiary Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd, Malayan Flour Mills Bhd (KL:MFLOUR) via partially-owned Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd and PPB Group Bhd (KL:PPB) through 80%-owned FFM Bhd.

The other two feedmillers are Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd under Gold Coin Group and PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd under Charoen Pokphand Holdings (M) Sdn Bhd, which in turn is a subsidiary of Thai conglomerate Charoen Pokphand Group Co Ltd.

The fine was imposed after MyCC found the feedmillers to have infringed Section 4

of the Competition Act 2010 (Act 712) by entering into anti-competitive agreements and/or concerted practices in increasing the price quantum of poultry feed that contains soybean meal and maize as its main ingredients, between early 2020 and mid-2022.

MyCC's probe revealed that there are 29 feedmillers in Malaysia, and that the five infringing feedmillers command about 40% of total market share.

According to MyCC's probe, poultry feed stood out to be a significant cost factor in poultry farming, constituting a substantial 72.8% of overall expenses.

Its investigation uncovered evidence of identical increment in the quantum of poultry feed prices, of between RM1 and RM4 per 50kg, sold by the parties between January 2020 and June 2022.

In August 2022, MyCC provisionally found that the five enterprises had infringed the competition law, and later granted the companies opportunities to submit written and oral representations.

Parent companies Leong Hup International and PPB Group had previously rejected MyCC's provisional findings, and said the allegations against their subsidiaries were without merit.

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail, in announcing the imposition of the fine last year, said cartels are a supreme evil in competition law and a form of economic sabotage at the highest level, more so in a public interest case.

"MyCC has been tasked by the government with eradicating cartels, and we will continue to do so without fear or favour.

"We are still monitoring the chicken industry since the recent government decision to discontinue subsidies and price control on chickens. We hope the lesson learnt from this case will be a deterrent to all, particularly those cartels-to-be," he added.

 12 Things You Must Know About A Stock



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

‘Hukum premis jual produk antiminyak sawit’

Selepas dua tahun tempoh penangguhan masih ada kedai jual keluaran bersifat diskriminasi

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap mana-mana pihak dan premis yang didapati menjual produk berlabel ‘antiminyak sawit’ berikutan tempoh dua tahun *grace period* sudah diberikan.

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) berkata, sudah 1,024 hari berlalu sejak Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022

di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] dikuatkuasakan sejak 15 Mac 2022.

“Ribuan pemeriksaan dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) di seluruh negara bermula tarikh itu dan KPK mendapati masih terdapat premis yang menjual produk mempunyai Pelabelan Produk Bersifat Diskriminasi Terhadap Minyak Sawit atau Discriminatory Labeling Against Palm Oil (DLAPO).

“Sepatuunya tempoh dua tahun sebagai *grace period* telah cukup untuk pihak berkaitan mengambil tindakan sewajarnya sepe-

ti mengeluarkan secara sukarela produk-produk DLAPO dari rak penjualan,” kata kementerian itu dalam kenyataan.

Usaha beri kesedaran

KPK sentiasa mengadakan seminar dalam usaha berterusan memberi kesedaran lebih mendalam kepada masyarakat dan industri termasuk syarikat pengimport, pengedar dan penjual mengenai pentingnya menyokong industri sawit yang mampu.

“Pada masa sama, ia bertujuan menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi tidak berasas kepada minyak sawit melalui aktiviti pelabelan produk DLAPO.

“Sebagai contoh, KPK dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) pada 19 November lalu di Hotel Zenith, Putrajaya menganjurkan Seminar Kesedaran membabitkan DLAPO.

“Pelbagai organisasi menghadiri

seminar itu termasuk KPDN, Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuaranin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

“Ia juga disertai persatuan serta syarikat-syarikat pengimport, pengedar dan penjual,” katanya.

Menurut kenyataan itu, Ketua Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam dalam pembentangannya memaklumkan sebarang pernyataan, ungkapan atau petunjuk yang berunsur ‘antiminyak sawit dilarang untuk dipakai atau digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan’.

Berdasarkan peraturan itu yang berkuat kuasa pada 15 Mac 2022, mana-mana orang yang melanggar peraturan itu boleh denda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun apabila disabitkan.

Undang-undang lompong mungkin jadi punca skandal

- Ada pihak manipulasi khidmat sewa tayar
- Jangka ramai petugas Puspakom bakal dipanggil

Oleh AMREE AHMAD


PUTRAJAYA — Kementerian Pengangkutan (MOT) tidak menolak ada unsur kelompongan undang-undang dalam kes Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, situasi tiris itu mengakibatkan ada pihak manipulasi perkhidmatan sewa tayar untuk kenderaan berat melepas ujian ketat.

"Kita kenal pasti banyak na-has besar akhir bulan lalu bukan kes terpencil malah lebih penting mungkin ada menawarkan perkhidmatan tertentu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Putrajaya yang siap diubah suai di sini semalam.

Beliau mengakui kemungkinan wujud orang tengah sebagai 'runner' berpakaat dengan staf dalam Puspakom sendiri melepaskan kenderaan berat tidak lulus pemeriksaan.

"Kes kali ini boleh disifatkan sebagai kelompongan undang-undang dan ia mengulangi balik



ANTHONY (berdiri, dua dari kanan) mendengar penerangan ketika meninjau Majlis Peluncuran Pejabat Baharu JPJ Wilayah Persekutuan Putrajaya semalam.

isu cermin gelap suatu waktu dahulu yang ditangguh sebelum diperiksa," katanya.

Ketika itu kata beliau, banyak kedai aksesori mengiklankan khidmat sewa lapisan gelap sehari bagi kelulusan Puspakom dan kali ini ditukarkan kepada bisnes sewa tayar pula.

Bagaimanapun, JPJ tidak boleh pula mengambil tindakan ke atas kedai yang menyewakan tayar kenderaan itu kerana ia bukan salah dari segi undang-undang.

Justeru katanya, pihak MOT akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup me-

ngenai kriteria tayar wajar untuk pengangkutan berat.

Setelah dimuktamadkan nanti, beliau sendiri akan mengumumkan pindaan peraturan berhubung isu tersebut dengan berdasarkan model kes cermin gelap kereta sebelum ini.

"JPJ belum lagi kenal pasti berapa yang terlibat kegiatan ini tetapi kita tidak boleh dakwa kedai buat bisnes penyewaan tayar sebab memang tiada peruntukan undang-undang," tambahnya.

Iasnin lalu, JPJ melakukan pemeriksaan mengejut ke atas 25 premis Puspakom di seluruh negara dengan 69 notis dikeluarkan.

Ia ekoran perkongsian netizen

mengenai ketirisan petugas operator itu yang mengakibatkan banyak kemalangan maut membabitkan isu tayar celup lori dan bas.

Ujarnya, MOT telah mengarahkan JPJ bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi menyiasat rapi kes itu.

Selain itu, beliau menjangkakan ramai petugas Puspakom akan dipanggil dalam masa terdekat susulan dakwaan bersubahat serta dirasuh bagi meluluskan kenderaan gagal ujian.

Setakat ini tiga pegawai operator sudah datang untuk sesi temu siasat JPJ dan bilangan itu akan bertambah secara berfasa jika ada kes salah laku integriti.

Juragan cuba seludup keluar 35 tong gas bersubsidi ditahan



RAMPAS: Juragan bersama bot dan muatan dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk tindakan lanjut.

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Pasukan Polis Marin (PPM) merampas 35 tong gas bersubsidi di kawasan laut Pelabuhan Tawau, di sini selepas dipercayai cuba diseludup keluar ke negara jiran, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.33 petang itu, seorang lelaki tempatan berusia 23 tahun turut ditahan dipercayai juragan bot laju yang membawa semua tong gas berkenaan.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, pihaknya yang

menjalankan tugas di kawasan berkenaan telah mengesan sebuah bot laju yang sarat dengan muatan yang sarat dengan muatan.

Katanya, anggota PPM terus menahan bot terbabit untuk menjalankan pemeriksaan dokumentasi ke atas juragan dan muatan yang dibawa.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot terbabit menemukan sebanyak 35 tong gas yang ditutup menggunakan kanvas dipercayai cuba diseludup keluar ke negara jiran.

"Juragan terbabit juga gagal menunjukkan dokumen atau permit daripada Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) ke atas tong gas yang dibawa," katanya dalam kenyataan media, di sini.

Menurutnya, suspek terbabit terus ditahan manakala bot bersama muatan yang dianggarkan bernilai RM 39,250 itu dirampas dan dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk tindakan lanjut.

Nazri turut menasihahkan orang awam supaya tidak terlibat dengan aktiviti penyeludupan bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Jan	KPDN Kedah tumpaskan sindiket jual minyak masak peket, gula & tepung gandum tanpa lesen	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kedah-tumpaskan-sindiket-jual-minyak-masak-peket-gula-tepung-gandum-tanpa-lesen	BERITA RTM
3-Jan	Padah jual barang subsidi tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/padah-jual-barang-subsidi-tanpa-lesen/#google_vignette	UTUSAN
3-Jan	MOT, KPDN teliti langkah tangani isu sewa tayar kenderaan berat termasuk pindaan peraturan – Anthony	https://www.buletintv3.my/nasional/mot-kpdn-teliti-langkah-tangani-isu-sewa-tayar-kenderaan-berat-termasuk-pindaan-peraturan-anthony/#google_vignette	BULETIN TV3
3-Jan	KPDN Kedah busts syndicate selling controlled goods without license	https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/kpdn-kedah-busts-syndicate-selling-controlled-goods-without-license	BERITA RTM
3-Jan	KPDN Kedah rampas 967kg minyak masak polibeg bersubsidi	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1344092/kpdn-kedah-rampas-967kg-minyak-masak-polibeg-bersubsidi	BERITA HARIAN
3-Jan	Sebuah premis dikenakan tindakan selepas gagal letak tanda harga	https://sabahmedia.com/2025/01/02/sebuah-premis-dikenakan-tindakan-selepas-gagal-letak-tanda-harga/	SABAH MEDIA

3-Jan	KPK gesa henti import, jual produk dengan label diskriminasi minyak sawit	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1172242/kpk-gesa-henti-import-jual-produk-dengan-label-diskriminasi-minyak-sawit	HARIAN METRO
3-Jan	Henti jual produk guna label antiminyak sawit, KPDN ambil tindakan tegas	https://malaysiaga-zette.com/2025/01/02/henti-jual-produk-guna-label-antiminyak-sawit-kpdn-ambil-tindakan-tegas/	MALAYSIA GAZETTE
3-Jan	Kedah KPDN Raids Outlet Selling Subsidised Cooking Oil, Flour, Sugar At Construction Site	https://www.bernama.com/en/news.php/general/crime_courts/news.php?id=2378877	BERNAMA